

13/04/2000

Globalisasi perlu beri manfaat untuk semua

KETIKA dunia Barat menikmati kemewahan yang melimpah ruah, manfaat globalisasi seakan meminggirkan semakin ramai rakyat di negara membangun. Bagi kebanyakan golongan daif di negara miskin, kehidupan mereka masih lagi kais pagi makan pagi dan kais petang makan petang. Malah jurang perbezaan di antara negara kaya dengan miskin semakin lebar. Apa yang dikehendaki oleh negara miskin daripada limpahan arus globalisasi bukan sekadar bantuan kewangan daripada negara kaya. Ia perlu diterjemah kepada peningkatan pengeluaran makanan yang boleh membasmi kebuluran; pengurangan kadar kematian dengan bekalan ubat-ubatan dan vaksin yang mencukupi; pengurangan kadar kematian bayi; dan peningkatan kadar celik huruf. Selain itu, ia perlu ditokok tambah dengan pengaliran modal dan pemindahan teknologi dari negara kaya ke negara miskin dan kelangsungan kedaulatan negara miskin.

Sesungguhnya kesejahteraan yang digarap daripada globalisasi tidak boleh dinilai dari segi kejayaan ekonomi negara kaya. Apa yang diperlukan ialah wadah globalisasi yang dinamik yang boleh membawa kepada keseimbangan di antara kuasa globalisasi dan kebangkitan negara mundur. Apa yang diperlukan ialah satu orde dunia yang lebih adil dan saksama dalam menangani soal perdagangan, pelaburan, kewangan dan pengaliran maklumat. Perkara ini menjadi inti pati ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Sidang Puncak Selatan Kumpulan 77 (G77) di Havana.

Malaysia mempertahankan gagasan kerangka kewangan antarabangsa demi melindungi kepentingan negara membangun, walaupun ada negara anggota lebih cenderung mendesak supaya institusi tertentu melupuskan tanggungan hutang mereka. Isu kerangka kewangan antarabangsa dan pelupusan hutang adalah dua perkara yang berbeza dan kesannya juga berbeza. Negara kaya menghulur bantuan wang sebanyak RM3.8 trilion sejak lima tahun lalu. Dari segi prinsip, soal hutang boleh diselesaikan. Tetapi, ia tidak sewajarnya mengganggu pelaksanaan kerangka kewangan antarabangsa yang bertujuan mewujudkan ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam organisasi pelbagai hala seperti Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO), Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia.

Ancaman globalisasi tidak dapat dielakkan tetapi negara membangun seharusnya bersiap sedia untuk menghadapinya. Dunia Ketiga perlu menerjah enjin ekonomi dan pembangunan sosial mereka bagi kesejahteraan rakyat. Kita boleh menerima globalisasi hanya jika konsep itu memberi faedah, peluang membuat pilihan sendiri serta tanggungjawab korporat. Globalisasi sebagai mana kata Perdana Menteri harus menjadi sesuatu yang baik bagi negara di rantau ini jika kita mempunyai suara dalam membuat telahan mengenainya serta boleh mengawal pengaliran kewangan dan bentuk modal lain merentasi sempadan. Persoalan sekarang ialah sama ada semua negara di dunia termasuk yang miskin dan yang sedang membangun boleh mendapat manfaat darinya sambil menolak keburukannya.

Sempadan negara menjadi semakin kurang penting dalam pelbagai bidang, termasuk kewangan, perdagangan dan teknologi. Globalisasi merencana saling pergantungan global. Namun kemaraan ke arah pembaharuan ini mungkin terencat disebabkan keengganan Barat berganjak daripada keangkuhannya dalam menentukan rentak tari arus globalisasi mengikut standard dan takrif hak asasinya. Orde baru yang dibayangi oleh tangan ghaib Washington untuk memanjangkan hegemoninya kemungkinan mencetuskan suatu kekalutan globalisasi yang mungkin tidak mampu dikawal. Negara Barat perlu

menghormati kedaulatan negara membangun dalam usaha kita mencari jalan untuk mengharmonikan nasionalisme dan globalisme. Jika tidak kita akan terus berada di takuk lama. Kegagalan kita untuk menangani isu ini boleh memusnahkan harapan rakyat di negara miskin yang akan terus dibelenggui kemiskinan.

Dunia tanpa sempadan memerlukan wajah kemanusiaan baru yang sesuai dengan peredaran masa. Hak asasi manusia sejagat merangkumi aspek pembangunan negara miskin dan kedaulatan mereka, selain isu alam sekitar dan kedamaian yang didukung oleh Barat. Hak ini tidak mungkin tercapai tanpa kejujuran semua pihak. Badan bukan kerajaan (NGO) di negara maju dan membangun juga bertanggungjawab, bukan sekadar mengadakan demonstrasi dan berpidato berapi-api di pusat perangan kononnya menentang kezaliman globalisasi, tetapi mereka patut membantu mengeluarkan golongan daif daripada belenggu kemiskinan. Dengan itu wadah globalisasi yang harus diperjuangkan ialah di mana dunia ini adalah sebuah perkampungan global yang menghormati nasionalisme dan nilai-nilai budaya pelbagai rakyat dunia dan tidak hanya terikat kepada nilai dan kehendak demokrasi liberal ala Barat.

(END)